

Melayu rosakkan peluang dengan rasuah — Dr. M

Um - 25/1/2005: 3

Oleh FAUZI JAAFAR

KUALA LUMPUR 24 Jan. — Tun Dr. Mahathir Mohamad malam ini melahirkan kebingangan dengan sikap kaum Melayu yang kini bukan sahaja tidak mengambil kesempatan dari peluang yang disediakan kerajaan tetapi ada yang merosakkan peluang itu dengan amalan rasuah.

Bekas Perdana Menteri berkata, sikap orang Melayu yang sedemikian akan merosakkan negara dan seterusnya memusnahkan kejayaan yang dibina sejak merdeka sehingga kini.

“Kalau dulu, orang Melayu tidak mengambil peluang, tetapi sekarang ini menghadapi masalah rasuah.

“Jika orang Melayu tidak mempunyai sikap atau nilai-nilai yang murni, mungkin kejayaan yang ada hari

ini akan merosot,” kata beliau.

Beliau berkata demikian pada majlis Majlis Makan Malam dan Diskusi Tun Razak dari Perspektif Tun Dr. Mahathir anjuran Persatuan Alumni Yayasan Tun Razak dengan kerjasama Yayasan Tun Razak dan Yayasan Kepimpinan Perdana di sini malam ini.

Dr. Mahathir mengupas agenda mengenai pembangunan orang Melayu dari zaman Tun Razak Hussein sebagai Perdana Menteri Kedua hingga ketika ini setelah beliau melepaskan jawatan sebagai Perdana Menteri Keempat.

Menurutnya, Tun Razak ingin melihat kejayaan orang Melayu ketika itu dengan melancarkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) bagi mengimbangi kejayaan kaum Cina dan India.

“Tun (Abdul Razak) me-



DR. MAHATHIR MOHAMAD

wujudkan peluang-peluang untuk orang Melayu ketika itu dan ketika masa saya, saya tidak puas hati dengan pencapaian orang Melayu, mereka suka mencari jalan mudah dan tidak mahu berusaha bersungguhsungguh,” jelasnya.

Dr. Mahathir juga melahirkan rasa ‘berhutang’ kepada Tun Razak kerana tanpanya, beliau tidak akan menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Perdana Menteri.

“Tun Razak memberi tempat kepada saya untuk masuk semula UMNO, menjadi Menteri Pelajaran, kemudian Timbalan Perdana Menteri hinggalah Perdana Menteri,” ujar beliau.

Dr. Mahathir menceritakan, ketika Tun Razak sedang menjalani rawatan di London, beliau menemui Tun Hussein Onn yang ketika itu Timbalan Perdana Menteri untuk memaklumkan kepadanya bahawa beliau mahu bercuti ke Indonesia.

“Masa berjumpa, Tun Hussein beritahu yang beliau telah mendapat pesanan dari Tun Razak untuk

memanggil saya membantu jika berlaku apa-apa, kerana Tun Razak percaya pada saya,” katanya.

Dr. Mahathir percaya, keyakinan Tun Razak kepadanya adalah kerana beliau pernah menyelesaikan rusuhan pelajar yang diketuai Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika itu.

“Masa jadi Menteri Pelajaran, ada rusuhan pelajar-pelajar universiti yang diketuai oleh kawan baik saya, Anwar Ibrahim. Jadi, Tun percaya saya boleh mengatasi masalah,” kata beliau secara berseloroh.

Beliau juga percaya, Tun Razak adalah seorang pentadbir yang baik sehingga berupaya menjadikan jentera pentadbiran negara berada pada tahapnya ketika ini hasil daripada usaha Perdana Menteri Kedua itu.